

21/07/2002

SPR perlu cari kaedah atasi keganasan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

BARISAN Nasional dan Pas menyifatkan pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit cukup sengit. Keputusan pilihan raya yang dianggap 50 - 50 membuktikan pengaruh kedua-dua parti masih kuat di situ.

Bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyifatkan kempen di kedua-dua kawasan itu sebagai yang paling buruk dan memalukan walaupun tidak berlaku pergaduhan besar yang menyebabkan kematian atau cedera parah.

Dalam mana-mana pilihan raya, tidak dapat dinafikan akan berlaku peristiwa luar dugaan. Tetapi kali ini bahangnya lebih panas. Lebih banyak pertelingkahan dan pertembungan. Kejadian vandalisme terhadap harta benda dan menakutkan perayu undi berleluasa. Malah ada yang cedera. Ini tidak pernah disaksikan dalam sejarah pilihan raya di negara ini.

Pilihan raya kecil kali ini akan dikenang bukan kerana kejayaan demokrasi tetapi keganasan dan ketaksuban Pas memperjuangkan ideologi mereka.

Sepanjang tempoh lapan hari berkempen terutama sehari menjelang mengundi, pelbagai kejadian berlaku. Daripada perkataan lucah dan menghina ketika berceramah sehingga serangan menggunakan senjata.

Pertelingkahan dan cabar-mencabar membabitkan perayu undi dan petugas yang menampal poster berlaku setiap hari tidak kira siang atau malam. Jika bukan kerana percubaan menghalang petugas memasang poster atau kain rentang, poster yang dipasang melindungi poster parti lain pula menjadi punca.

Tidak cukup dengan itu, kejadian selak kain menunjukkan kemaluan kepada petugas Puteri Umno turut dilaporkan berlaku di Kampung Chegar, Anak Bukit. Wartawan dan jurugambar pula terpaksa dalam keadaan bersedia dan bertugas hingga awal pagi kerana bimbang 'terlepas berita yang menarik' itu.

Polis pula terpaksa bertungkus-lumus mengawal keadaan. Selain menempatkan anggota di setiap markas parti yang bertanding, pasukan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) sentiasa dalam keadaan bersedia untuk dikerah mengawal keadaan.

Mereka bukan ditempatkan di balai polis seperti biasa, sebaliknya berada berhampiran setiap lokasi sensitif supaya cepat sampai jika keadaan di luar kawalan.

Helikopter pula berlegar di udara setiap hari. Pada waktu malam helikopter terbang rendah sambil menyuluh lampu limpah ke bawah untuk membuat tinjauan.

Ketegangan pilihan raya kecil itu dapat dirasai hampir setiap masa. Apakan tidak. Ia kerana suasana umpama Anak Bukit dan Pendang berlaku rusuhan.

Ketegangan paling dirasai pada malam pengundian, iaitu hari terakhir berkempen. Siren kenderaan polis kedengaran sehingga di bandar Alor Star, bukan kawasan pilihan raya.

Peristiwa penahanan bas yang membawa penyokong Barisan Nasional (BN) dari seluruh negara bukan saja berlaku di kedua-dua kawasan, malah di Guar Chempedak dan Gurun, juga kawasan yang tidak terbabit dalam pilihan raya.

Bas bukan saja dikepung, malah ditendang dan dibaling batu manakala penumpangnya dimaki-hamun dan dicaci dengan pelbagai perkataan yang sepatutnya tidak dihamburkan oleh umat Islam dan Melayu.

Di pekarangan Stadium Darulaman, Alor Star, lebih 30 bas terpaksa ditempatkan di situ kerana dihalang memasuki Anak Bukit dan Pendang. Ketegangan berlaku sehingga jurufoto Berita Harian ditahan dan ditumbuk oleh petugas BN kerana menyangka dia `spy' parti lawan.

Halangan bukan saja dilakukan oleh penyokong pembangkang, malah meletakkan kereta di bahu jalan untuk menyempitkan laluan.

Bagi membawa masuk pekerja dan perayu undi ke kawasan pilihan raya, BN terpaksa pula menggunakan van dan kereta. Itu pun ada yang tidak dapat masuk dan tersadai di sekitar stadium hingga jam 10 pagi sejak tiba jam 12 tengah malam di Alor Star.

Suasana hari mengundi lebih mengaibkan. Sudahlah berlaku kesesakan jalan raya, cabar-mencabar di pondok panas menghangatkan lagi cuaca yang panas akibat pancaran matahari.

Bas mengangkut penyokong terus ditahan. Pertengkaran dan tarik-menarik pengundi terus berlaku. Seorang wanita tua yang sedang dipimpin oleh petugas BN kelihatan `dirampas' petugas Pas untuk dihantar ke pintu pagar pusat mengundi.

Pada pagi pengundian, di Alor Gunung, Anak Bukit, penyokong BN mengoyak risalah berlambang Pas yang diletakkan pada cermin kenderaan kereta rasmi Speaker DUN Selangor. Ia dilakukan di depan penyokong parti pembangkang itu. Akibatnya, dia di-serbu. Bagaimanapun tindakan pantas polis meredakan keadaan.

Di Anak Bukit, bas ditahan dan kuncinya dirampas lalu dicampak ke dalam semak. Maka, terkandas penumpang sementara sekumpulan yang lain mencari kunci kecil dalam kawasan semak yang luas.

Bas berkenaan tidak boleh bergerak, menyebabkan laluan terhalang dan timbul pula kesesakan jalan raya.

Di Pendang pula, perjalanan dari Tanah Merah ke pekan Pendang yang jaraknya tidak sampai 10 kilometer terpaksa mengambil masa hingga hampir dua jam akibat kesesakan.

Antara lain, ia berpunca daripada terlalu banyak kenderaan memasuki pekan itu. Ada juga dakwaan ia sengaja dilakukan untuk menghalang pengundi daripada menunaikan tanggungjawab. Kenderaan sengaja berada di jalan raya ketika suasana sibuk. Keadaan itu juga menimbulkan ketegangan.

Selain itu, kempen pilihan raya kali ini sangat mengaibkan. Cacian dan tuduhan melalui ceramah memang tidak dapat dinafikan sebagai yang mengaibkan kerana pelbagai perkataan yang tidak sepatutnya didengar disajikan penceramah.

Tidak cukup ketika berceramah, risalah menghina peribadi, tuduhan lesbian, padri besar, menteri babi, gelaran mendiang menggantikan Allahyarham kepada Datuk Fadzil Noor disebarikan secara meluas.

Tidak perlu berfikir panjang. Ia memang keterlaluan kerana bukan saja jauh menyimpang daripada budaya Melayu, malah bercanggah dengan Islam.

Setiap kali pilihan raya, yang penting bukan kemenangan, tetapi keselamatan. Dalam hal ini, pujian dan setinggi penghargaan patut diberikan kepada polis kerana berjaya mengawal suasana. Strategi polis menjaga keselamatan amat berjaya walaupun ada yang mempertikaikan kononnya kehadiran lebih 4,000 pegawai dan anggota dan helikopter berlegar di udara menegangkan lagi keadaan.

Pembangkang mendakwa ia sengaja dilakukan bagi menakutkan rakyat. Pandangan itu tidak boleh diterima. Berdasarkan kejadian sepanjang kempen, tanpa strategi polis, pasti akan berlaku peristiwa buruk. Paling tidak pun pergaduhan berkumpulan. Langkah menempatkan polis di semua markas parti dilihat amat berjaya kerana boleh bertindak cepat jika berlaku ketegangan.

Ini kerana pemimpin parti pasti tidak boleh memberi jaminan penyokong mereka tidak bertindak liar. Mana mungkin mereka mampu mengawal emosi penyokong setiap masa. Justeru, usaha polis perlu dipuji kerana berjaya

melaksanakan tugas dengan berkesan.

Semua rentetan peristiwa dan senario berkenaan berpunca daripada satu faktor saja. Kemenangan. Itulah matlamat parti yang bertanding. Malangnya, bagi mencapai matlamat berkenaan, banyak perkara yang dilupai.

Budaya dan agama di belakangkan semata-mata bagi memenangkan parti. Generasi muda yang turut berkempen terikut-ikut dengan budaya itu. Mereka belajar taktik dan kaedah mencapai kemenangan, sama ada yang baik mahupun yang buruk.

Ia akan diteruskan oleh mereka dan kelihatan seperti tidak akan berakhir jika langkah drastik tidak diambil bagi membendunginya. Ia penting bukan saja bagi memastikan setiap pilihan raya berlaku dalam suasana pertandingan yang sihat, malah selamat dan aman.

Justeru, jika SPR melihat pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit sebagai yang paling kotor kerana diwarnai pelbagai peristiwa mirip kepada keganasan, sesuatu perlu dilakukan.

Kajian mengenai kod etika berkempen perlu dilaksanakan segera. Peraturan dan undang-undang perlu diperketatkan. Tindakan tegas perlu diambil jika ada pihak yang melakukan kesalahan.

Kaedah berkempen mungkin perlu dirombak. Penyebaran dan kandungan risalah atau ceramah mungkin perlu diperketatkan bagi memastikan tidak berlaku peristiwa lebih buruk.

Polis pula perlu lebih bertegas. Undang-undang perlu dikuatkuasakan. Jika langkah drastik terhadap kaedah kempen pilihan raya tidak dilakukan, dikhuatiri budaya Melayu dan ciri Keislaman akan hilang. Yang lebih penting, bagi mengelakkan perlakuan tidak bertamadun ketika berkempen.

Memang kena pada ketikanya Barisan Nasional (BN) perlu mengatur strategi bagi mengatasi corak kempen Pas yang tidak bersopan sebagaimana yang ditunjukkan pada pilihan raya kecil itu dalam menghadapi pilihan raya umum kelak.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sebelum pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit, tidak pernah ada bentuk kempen yang menggunakan kekerasan, sebagaimana yang ditunjukkan penyokong Pas.

"Sebelum ini tak ada fenomena begini tetapi sekarang, mereka (Pas) rasa menggunakan taktik ganas, mereka boleh menang. Kita perlu fikir bagaimana untuk menghadapi perkara ini," katanya selepas menyampaikan ucap-tama pada Forum Antarabangsa Kuala Lumpur Mengenai Islam (Kalif 2002) di Hotel Sheraton Imperial di ibu negara, kelmarin.